

**D.R. 20/2023**

**RANG UNDANG-UNDANG**

*b e r n a m a*

Suatu Akta untuk mengesahkan pemungutan fi berkenaan dengan apa-apa pembekalan program televisyen oleh Jabatan Penyiaran Malaysia semasa tempoh mulai 15 Mac 2001 hingga 28 Februari 2022.

[ ]

**DIPERBUAT** oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

**Tajuk ringkas**

**1.** Akta ini bolehlah dinamakan Akta Fi (Jabatan Penyiaran Malaysia) (Pengesahan) 2023.

**Pengesahan dan tanggung rugi**

**2.** (1) Walau apa pun peruntukan Akta Fi 1951 [*Akta 209*], fi yang telah dikenakan dan dipungut oleh Jabatan Penyiaran Malaysia berkenaan dengan apa-apa pembekalan program televisyen semasa tempoh mulai 15 Mac 2001 hingga 28 Februari 2022 hendaklah disifatkan telah dikenakan dan dipungut dengan sah.

(2) Tiada tindakan atau prosiding undang-undang boleh dibawa atau dimulakan terhadap Kerajaan Malaysia, mana-mana pegawai Kerajaan Malaysia atau mana-mana orang yang bertindak di bawah arahan mana-mana pegawai Kerajaan Malaysia berkenaan dengan apa-apa fi yang dikenakan dan dipungut semasa tempoh yang disebut dalam subseksyen (1), dan jika apa-apa tindakan atau prosiding undang-undang sedemikian telah dibawa atau dimulakan, ia hendaklah dibatalkan dan dijadikan tidak sah, dan tiada pembayaran balik berkenaan dengan fi yang telah dikenakan dan dipungut sebagaimana yang dinyatakan dalam Akta ini boleh dibuat.

---

#### HURAIAN

Rang Undang-Undang Fi (Jabatan Penyiaran Malaysia) (Pengesahan) 2023 yang dicadangkan (“Akta yang dicadangkan”) bertujuan untuk mengesahkan pemungutan fi berkenaan dengan apa-apa pembekalan program televisyen oleh Jabatan Penyiaran Malaysia semasa tempoh mulai 15 Mac 2001 hingga 28 Februari 2022.

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas Akta yang dicadangkan.

3. *Fasal 2* bertujuan untuk mengesahkan fi yang telah dikenakan dan dipungut oleh Jabatan Penyiaran Malaysia dan telah dibayar ke dalam Kumpulan Wang Disatukan berkenaan dengan apa-apa pembekalan program televisyen mulai 15 Mac 2001, iaitu tarikh fi itu mula-mula dikenakan dan dipungut, hingga 28 Februari 2022, iaitu tarikh akhir fi itu dikenakan dan dipungut sebelum permulaan kuat kuasa Perintah Fi (Program Televisyen) (Jabatan Penyiaran Malaysia) 2022 [*P.U. (A) 39/2022*].

*Fasal 2* juga bertujuan untuk memperuntukkan bahawa tiada tindakan atau prosiding undang-undang boleh dimulakan terhadap Kerajaan Malaysia, mana-mana pegawai Kerajaan Malaysia atau mana-mana orang yang bertindak di bawah arahan mana-mana pegawai Kerajaan Malaysia berkenaan dengan apa-apa fi yang dikenakan dan dipungut semasa tempoh mulai 15 Mac 2001 hingga 28 Februari 2022.

#### IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U2)3309]